

18/10/1997

Badan khas atasi masalah tanah pertanian

KAJANG, Jumaat - Kerajaan negeri menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk menangani masalah tanah pertanian digunakan untuk tujuan yang bertentangan dengan syarat penggunaan dan status tanah berkenaan.

Penubuhan jawatankuasa itu juga bertujuan untuk mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang menggunakan tanah pertanian untuk pembinaan bangunan, kilang haram dan setinggan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Perbandaran dan Setinggan, Datuk Fuad Hassan, berkata jawatankuasa itu diketuai Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Datuk Mohd Esa Shariff dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Menurutnya, jawatankuasa itu ditubuhkan selepas pertemuan antara Menteri Besar, Datuk Abu Hasan Omar dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang tidak berpuas hati dengan usaha yang dijalankan oleh kerajaan negeri mengatasi masalah berkenaan.

"Kerajaan negeri akan bertindak tegas terhadap penempatan setinggan dan pertumbuhan kilang haram baru tetapi akan memberi alternatif kepada kilang yang sudah lama beroperasi supaya berpindah ke kawasan yang lebih sesuai."

"Walaupun sebelum ini, penguatkuasaan kurang, pada masa akan datang kerajaan Selangor akan lebih tegas dengan menguatkuasakan akta pengambil tanah," katanya di sini, semalam.

Fuad berkata, semua Pejabat Tanah Daerah (PTD) sudah diarah mengemukakan senarai tanah yang disalahgunakan supaya dapat diambil tindakan oleh jawatankuasa itu.

Beliau berkata, tanah pertanian tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya tanpa kelulusan pihak berkuasa.

"Kegiatan menggunakan tanah pertanian untuk tujuan lain terutama di pinggir bandar semakin berleluasa dan perlu diberi perhatian."

"Sekiranya kegiatan itu tidak disekat, ini akan menimbulkan masalah kepada kerajaan pada masa akan datang," katanya.

Menurutnya, sebarang bentuk pembinaan di tanah pertanian perlu mendapatkan kelulusan PTD dengan mengemukakan pelan bangunan serta beberapa syarat lain.

Katanya, daerah Gombak, Hulu Langat, Klang dan Petaling adalah antara kawasan yang dikenal pasti banyak kegiatan penyalahgunaan tanah pertanian.

(END)